

**SOALAN NO. : 52 51**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [  
KLANG ]**

**TARIKH : 20/10/2015 (Selasa)**

**RUJUKAN : DR009**

**SOALAN :**

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan status penggubalan undang-undang untuk meningkatkan denda bagi pembakaran terbuka. Dapatkah Kementerian memberikan garis masa bagi saluran wang sebanyak RM8 juta bagi tujuan pembinaan “check dam” di kawasan Johan Setia, Klang.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan cadangan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pindaan akan dibuat terhadap Seksyen 45 iaitu mengkompaun kesalahan di mana jumlah kompaun bagi kesalahan melakukan pencemaran alam sekitar termasuk pembakaran terbuka bakal dinaikkan. Subseksyen 45(1) Akta akan dipinda dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi dua ribu ringgit” dengan perkataan “tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit”. Cadangan ini telah dibentangkan di dalam *Stakeholder Engagement* dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) pada 2 Oktober 2015. Cadangan pindaan ini seterusnya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kualiti Alam Sekeliling yang dijangka diadakan pada 24 November 2015 sebelum cadangan pindaan dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 29A(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah memperuntukkan hukuman yang *“deterrent”* bagi kesalahan melakukan pembakaran terbuka iaitu denda tidak melebihi RM 500,000 (lima ratus ribu ringgit) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.

Mengenai cadangan peruntukan bagi tujuan pembinaan *“check dam”* di kawasan Johan Setia, Klang, perkara ini adalah komitmen yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor sendiri.

Sekian, terima kasih.